



Ruj. Kami : KUDR/TTDC/B/11/25/0923 (14)
Tarikh : 29 Disember 2025

YANG DIPERTUA,
Majlis Daerah Batu Gajah,
Jalan Haji Abdul Wahab,
31000 Batu Gajah,
Perak Darul Ridzuan
(u.p: Jabatan Kejuruteraan)

Tuan,

**PROJEK / KERJA : CADANGAN PEMASANGAN INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI
DAN KABEL FIBER OPTIK UNTUK MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN
TELEKOMUNIKASI DI SDU TAMAN TRONOH TIMAH, DAERAH BATU
GAJAH KAEDAH : HDD 200 METER**
PERKARA : PERMOHONAN IZIN LALU

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa **TT dotCom Sdn Bhd** akan menjalankan kerja pemasangan utiliti bagi **Cadangan Pemasangan Infrastruktur Telekomunikasi Dan Kabel Fiber Optik Untuk Menyediakan Perkhidmatan Telekomunikasi Di SDU Taman Tronoh Timah, Daerah Batu Gajah Kaedah : HDD 200 Meter** di Jalan Siputeh Tronoh dan Laluan Timah 1 sepanjang **84 meter**.

3. Sehubungan dengan itu, pihak kami ingin membuat Permohonan Izin Lalu bagi melaksanakan kerja ukur tanah (sempadan ROW), cerapan data bagi Pemetaan Pengesanan Utiliti (UDM) dan penandaan jajaran utiliti di kawasan terlibat. Bersama-sama ini dikemukakan dokumen-dokumen sebagaimana berikut:

- (i) Pelan Cadangan laluan utiliti yang menunjukkan sempadan ROW jalan MDBG dan lot tanah bersebelahan.
- (ii) Kaedah pemasangan utiliti mengikut cadangan laluan.
- (iii) Gambar-gambar lokasi.
- (iv) Tarikh jangka mula **7 Januari 2026** dan jangka siap **21 Januari 2026** (kerja ukur, cerapan data UDM dan penandaan di kawasan terlibat).





Ruj. Kami : KUDR/TTDC/B/11/25/0923 (14)
Tarikh : 29 Disember 2025

**PROJEK / KERJA : CADANGAN PEMASANGAN INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI
DAN KABEL FIBER OPTIK UNTUK MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN
TELEKOMUNIKASI DI SDU TAMAN TRONOH TIMAH, DAERAH BATU
GAJAH KAEDAH : HDD 200 METER**
PERKARA : PERMOHONAN IZIN LALU

4. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami, **A'isyah binti Selahudin** di talian **011-11255623** untuk keterangan lanjut. Kerjasama daripada pihak tuan saya dahulukan dengan ucapan ribuan terima kasih

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

(**HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH**)

Pengurus Koridor Negeri

Koridor Utiliti Darul Ridzuan

OSA/24122025/Wa/Aisyah

Salinan kepada:

- 1. TIME DOTCOM BERHAD**
No 14, Jalan Majistret U1/26,
HICOM Glenmarie Industrial Park,
40150 Shah Alam,
Selangor.
(u.p : Encik Mohd Faizul Bin Fadli)